

ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN BIL.4/2019

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN MEMORANDUM



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN
BILANGAN 4 TAHUN 2019**

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN ULASAN KEPADA MEMORANDUM
JEMAAH MENTERI**

SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	3
2.	Rasional Pemakaian	3
3.	Format Memorandum	4
4.	Tarikh Kuat Kuasa	4
5.	Pemakaian	4
6.	Lampiran A – Format Memorandum	5



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN BILANGAN 4 TAHUN 2019

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN ULASAN KEPADA MEMORANDUM JEMAAH MENTERI

1. TUJUAN

Memorandum disediakan bertujuan untuk menggariskan prosedur bagi memberi khidmat nasihat atau ulasan berkaitan intipati atau perkara yang berkaitan dengan dasar-dasar Jabatan kepada Bahagian / Unit mahupun Agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP); di mana Pejabat Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bernaung.

2. RASIONAL PEMAKAIAN

Pemakaian memorandum adalah bagi memastikan ulasan terhadap Memorandum Jemaah Menteri, iaitu merujuk kepada Kertas Jemaah Menteri yang mengandungi perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan keputusan Jemaah Menteri berdasarkan kepada Garis Panduan Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Bilangan 1 Tahun 2000.

Memorandum yang disediakan perlu mengambil kira semua aspek kepentingan Jabatan, Kementerian dan *stakeholders*.

3. FORMAT MEMORANDUM

Berikut adalah format yang dicadangkan bagi pemakaian pegawai:

BIL	KOMPONEN	ELEMEN
1.	Kepala Memorandum	<ul style="list-style-type: none">- Tajuk – Ulasan Memorandum- Font jenis Arial bersaiz 12
2.	Cadangan / Ulasan	<ul style="list-style-type: none">- Butiran Ulasan
3.	Nama Penyedia	<ul style="list-style-type: none">- Nama dan tarikh


Memorandum seperti di Lampiran A hanya digunakan bagi jawapan balas melalui saluran e-mel. Sekiranya jawapan balas perlu dihantar melalui *hardcopy*, maka tandatangan YBhg. Dato' Pengarah perlu diperoleh beserta nombor fail yang digunakan.

4. TARIKH KUAT KUASA

Arahan Pentadbiran Dalaman Bilangan 4 Tahun 2019 ini berkuatkuasa mulai dari tarikh garis panduan ini dikeluarkan.

5. PEMAKAIAN

Arahan Pentadbiran Dalaman ini berkuatkuasa serta merta dan dipanjangkan kepada semua Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
Tarikh: 19 Disember 2019
Rujukan: PTG/WP.1/202/Jld.6(57)

LAMPIRAN A: FORMAT MEMORANDUM

ULASAN MEMORANDUM DARIPADA MENTERI HAL EHWAL EKONOMI

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA, 2021-2030

**CADANGAN / ULASAN
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Sukacita saya mencadangkan ulasan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

“Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan tiada halangan dan menyokong syor sepertimana terkandung dalam Memorandum daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi: Wawasan Kemakmuran Bersama, 2021-2030 serta menyambut baik setiap usaha yang memberi manfaat kepada masyarakat sejagat”

PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

4 September 2019